



SOARING  
UPWARDS  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

*perutusan*  
**NAIB  
CANSELOR  
2017**

**PROFESOR DATIN PADUKA  
DR. AINI IDERIS**

**24 Februari 2017 | 8.30 pagi  
Dewan Besar PKKSSAAS**

**IHSAN  
KECEMERLANGAN & CABARAN**

**PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN**



*perutusan*  
**NAIB**  
**CANSELOR**  
**2017**

---

**PROFESOR DATIN PADUKA**  
**DR. AINI IDERIS**

---

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2017

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)  
No. Ahli: 9802

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan  
ISBN 978-967-344-693-3

Rupa Taip Teks: Helvetica Neue LT Std  
Saiz Taip Teks: 10/14  
Reka Bentuk Kulit: Mazlan Jamali  
Reka Letak Teks: Mazlan Jamali, Mohd.Ghazali Razak

Dicetak oleh  
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd  
No. 11, Jalan Tun Perak 6, Taman Tun Perak  
43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan





# KANDUNGAN

Pendahuluan .....	7
Imbasan Kegemilangan UPM 2016 .....	15
Motivasi Kecemerlangan.....	21
Kelestarian Hijau dan Taman Botani .....	27
Kebitaraan Bidang Pertanian .....	31
Penyelidikan dan Keperluan Strategik Negara .....	37
Bakat dan Kepemimpinan Akademik.....	41
Kecemerlangan dan Keinsanan Pelajar .....	45
Pengalaman Pembelajaran sebagai Persediaan Kehidupan .....	51
Teknologi dalam Pembelajaran .....	55
Kecemerlangan Kampus Bintulu.....	59
Pendanaan Universiti dan Pengurusan Risiko .....	63
Peranan UPM Holdings Sdn. Bhd. ....	69
Tradisi Menyumbang, Budaya Ikatan.....	73
Integriti dan Kebajikan Staf .....	77
Universiti Putra Malaysia sebagai Jenama Global.....	81
Penutup .....	83

**BERILMU, BERBAKTI**

**PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN**



SILA LIPAT WAJIB  
DI PUS KUALA







# PENDAHULUAN

---

**Bismillahirrahmanirahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Pertamanya, saya ingin melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama hadir di majlis Perutusan Naib Canselor 2017 pada pagi Jumaat yang penuh keberkatan ini. Saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga Universiti Putra Malaysia (UPM), yang berkesempatan meluangkan masa bagi mendengar perutusan kali ini. Saya yakin kehadiran ahli akademik, pegawai kumpulan profesional dan pengurusan, kumpulan pelaksana dan para pelajar pada hari ini, menggambarkan semangat tinggi dan sokongan padu untuk bersama-sama saya melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan UPM ke tahap yang lebih tinggi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan **setinggi penghargaan kepada mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsuddin dan mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Azmi Mohd.Lila yang telah tamat pelantikan pada akhir tahun lalu.** Saya percaya peranan dan sumbangan yang telah diberikan khususnya membantu saya memimpin UPM telah banyak meletakkan UPM pada landasan yang tepat pada hari ini. Saya berharap peranan dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh mereka berdua dapat diteruskan dalam apa jua aktiviti demi manfaat dan kebaikan universiti yang kita cintai ini. Insya Allah.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada **Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Husaini Omar atas pelantikan sebagai Timbalan Naib Canselor**

**(Penyelidikan dan Inovasi) yang baharu, dan Yang Berbahagia Prof. Dr. M.Iqbal Saripan atas pelantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu.** Keduanya bermula pada 15 Februari 2017, selama tiga tahun. Saya percaya dengan pelantikan mereka akan dapat membantu saya dan kepemimpinan universiti memperkukuh lagi **kecemerlangan dan jenama UPM sebagai universiti penyelidikan perdana negara yang bereputasi antarabangsa.**

Saya juga mengambil peluang ini untuk **mengucapkan tahniah kepada Yang Hormat Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran atas perlantikan sebagai Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII)** oleh Menteri Pendidikan Tinggi mulai hari ini. Saya percaya pelantikan beliau adalah satu sumbangan UPM kepada kepemimpinan IPT dalam konteks negara. Tahniah kami ucapkan.



Yang Berbahagia Prof. Datuk  
Dr. Mad Nasir Shamsuddin



Yang Berbahagia Prof. Dato'  
Dr. Azmi Mohd Lila



Yang Berbahagia Prof. Dato'  
Dr. Husaini Omar



Yang Berbahagia Prof.  
Dr. M.Iqbal Saripan

Beberapa hari sahaja lagi, kita bakal memasuki bulan ketiga dalam kalendar 2017. Saya percaya, pasti ramai tertanya-tanya, mengapa Perutusan Naib Canselor Tahun 2017 hanya diadakan pada hari ini. Izinkan saya menjelaskan. Agenda aspirasi dan perancangan universiti ini sangat penting dikongsi dan dihayati bersama oleh semua warganya. **Justeru, saya secara peribadi berpandangan perlunya majlis ini diadakan selepas pelajar kembali ke kampus, agar mereka sama-sama dapat mengetahui dan memahami hala tuju universiti dengan jelas.** Pelajar adalah pemegang taruh terpenting dan bakat berharga dalam universiti. **Merekalah menjadi sandaran dan masa depan negara khususnya dalam menjayakan wawasan negara, iaitu Transformasi Nasional 2050 atau TN50.**

Perutusan kali ini disampaikan dalam situasi universiti berdepan dengan pelbagai cabaran khususnya berkaitan pendanaan dan pembiayaan pendidikan tinggi. Ia adalah cabaran global, dan tidak seharusnya melemahkan kita, sebaliknya menjadi pemangkin kepada UPM untuk terus mengorak langkah ke hadapan. **Saya berharap dengan kemenangan UPM sebagai Universiti Awam (UA) Paling Berkeusahawanan (Most Entrepreneurial University) sempena Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (MEA) 2016 baru-baru ini, akan membakar semangat kita untuk terus kreatif dan inovatif dalam mengurusperdanakan keusahawanan, selain menyasar untuk menjana pendapatan sendiri secara berperingkat. Insya Allah.**



**Perutusan kali ini juga adalah kesinambungan daripada Perutusan 100 Hari Naib Canselor yang telah saya sampaikan pada 20 April 2016, bertemakan “Ihsan Tonggak Kecemerlangan”.** **Ihsan** bermaksud “yang terbaik”, atau lebih tepat ialah “paling cemerlang” atau “terunggul”, atau dalam bahasa Inggeris diungkapkan sebagai *par excellence*. **Ihsan** dijelaskan sebagai antara rukun yang wajib menunjangi kehidupan manusia; disebutkan selepas (Rukun) Islam dan (Rukun) Iman. Dalam hadis Rasulullah S.A.W.<sup>1</sup> dijelaskan bahawa **Ihsan** merujuk kepada tahap keyakinan manusia yang meyakini bahawa dirinya sentiasa diawasi oleh Penciptanya. Dengan keyakinan itu, manusia akan melaksanakan pekerjaannya dengan niat serta cara yang “paling cemerlang” atau **Ihsan**. Ini merujuk kepada niat hanya untuk memperoleh keredhaan Penciptanya. Niat ini kemudiannya dizahirkan pada hasil pekerjaannya yang paling berkualiti dan paling sempurna yang mampu dicapai oleh manusia.

Saya memanfaatkan pengertian **Ihsan** dalam pentadbiran dan kepimpinan Universiti Putra Malaysia. Saya yakin bahawa penerapan konsep **Ihsan** dalam pentadbiran dan kepimpinan universiti, akan dapat meninggikan lagi martabat pekerjaan yang kita laksanakan. Malahan,

pekerjaan yang kita lakukan ini tidak sekadar menjadi tugas duniawi semata-mata, tetapi juga menjadi satu amal soleh atau ibadah kepada Allah Taala. Dalam usaha untuk menghayati lagi pengertian **Ihsan** dalam amanah dan tanggungjawab kita, saya berpendapat bahawa aspek penting yang perlu dipertingkatkan ialah **aspek kualiti kerja, iaitu mutu kerja yang bukan sahaja mesti mencapai piawai serta amalan baik (good practices) dalam sesuatu bidang, tetapi dilaksanakan secara cekap, ikhlas, penuh kejujuran, efisien, dan akhirnya mestilah membawa kebaikan serta perubahan yang baik atau islah kepada masyarakat.**



1 Rasulullah s.a.w. yang lain, yang antara lain bermaksud: “Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya, datang seseorang yang bertanya, “Apakah iman itu?” Rasulullah s.a.w. menjawab, “Iman adalah percaya kepada Allah, para malaikat-Nya, pertemuan dengan-Nya, para rasul-Nya, dan hari kiamat. Laki-laki itu bertanya lagi, “Apakah Islam itu?” Rasulullah s.a.w. menjawab, “Menyembah Allah yang Esa, mendirikan solat, membayar zakat, dan mengerjakan puasa selama bulan Ramadan. Laki-laki itu bertanya lebih jauh, “Apakah yang dimaksudkan ihsan?”. Rasulullah s.a.w. menjawab, “Beribadah [merujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik] kepada Allah ‘Azza wa Jalla seakan-akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak bisa mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatmu...” [Garisian ditambah.] Dikutip dalam Imam Az-Zabidi, Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia), Terj. oleh Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis, Crescent News Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2014, hlm. 25

Ini bererti, **pekerjaan yang berkualiti mesti didukung kepada tiga perkara asas iaitu kompetensi, integriti, dan manfaatnya** kepada masyarakat. Dan sudah tentulah, kesemua aspek yang saya telah sebutkan di atas, iaitu kompetensi, integriti, dan manfaat kepada masyarakat yang menunjangi pemahaman kita tentang kualiti kerja, diasaskan kepada pengertian **Ihsan** yang membawa maksud "yang terbaik", "paling cemerlang", "terunggul", atau *par excellence*. **Dengan pengertian ini jugalah, kita secara arif dan sedar, merealisasikan moto yang telah menjadi inspirasi UPM selama ini, iaitu "Berilmu, Berbakti".**

Seiring dengan penghayatan **Ihsan**, kita perlu sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan yang cemerlang pada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ)

di UPM. Justeru, **Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran** akan diteruskan sebagai salah satu pengiktirafan dalam **Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM**. Kriteria yang diukur akan ditambah baik untuk memberikan penekanan kepada **pengurusan organisasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan** yang disampaikan kepada pelanggan. Penarafan yang dibangunkan ini adalah bertujuan menilai dan mengukur prestasi PTJ dalam penyampaian perkhidmatan, dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik, serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan. Saya berharap semua PTJ mengambil perhatian serius dalam usaha memastikan penyampaian perkhidmatan PTJ masing-masing berada pada tahap yang cemerlang.




Tahun 2017 ini juga memberikan berita gembira kepada warga UPM apabila status **swaakreditasi** UPM telah dikekalkan untuk lima tahun lagi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga UPM yang telah berusaha untuk memastikan status swa akreditasi ini dikekalkan. Namun begitu, kita tidak usah leka dengan kejayaan ini. Selain daripada memastikan piawaian asas dan tinggi, yang digariskan MQA dipatuhi, saya mahukan supaya universiti bergerak kepada sasaran kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih tinggi supaya UPM dapat terus bersaing di peringkat global.



Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa gembira kerana sejak konsep **Ihsan** diperkenalkan tahun lalu, saya dapati pelbagai inisiatif berteraskan **Ihsan** telah dijayakan oleh setiap PTJ, staf dan pelajar UPM. **Ini termasuk program pengukuhan program akademik, pembangunan keinsanan pelajar, kelestarian kampus hijau. Dalam konteks kelestarian kampus hijau misalnya, lebih 10,000 pokok telah ditanam di seluruh kampus oleh warga UPM. Pada 11 Februari yang lalu, agenda kelestarian kampus hijau diteruskan dengan Upacara Penanaman Pokok UPM-Mitsubishi Corporation kali ke-26 di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu. Tahniah saya ucapkan kepada semua warga yang terlibat.**

Selain itu, perutusan ini **mengambil kira dasar, pendekatan dan inisiatif baharu dalam Amanat 2017 Menteri Pendidikan Tinggi oleh Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh baru-baru ini. Fokus Kementerian untuk Mereka Bentuk Semula Pendidikan Tinggi atau Redesigning Higher Education akan dijayakan oleh UPM seiring dengan ledakan Revolusi Industri Keempat, iaitu era digital yang menyaksikan kemajuan dan penggunaan teknologi yang sangat meluas dan radikal.** Dalam hal ini, pelajar tidak lagi merupakan penerima **ilmu semata-mata (recipients of knowledge)**, tetapi **penghasil ilmu bersama (co-curators of knowledge)**.



Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi







# IMBASAN KEGEMILANGAN UPM 2016

---

Kita menghadapi tahun 2016 dengan pelbagai cabaran di luar jangkaan, tetapi kita berjaya melangkah dengan seribu kekuatan dengan adunan dan kombinasi usaha yang cukup padu. Kita menyemarakkan obligasi **Putra** dengan mempertingkatkan dan memperteguh semangat daya saing dan 'resilient' melalui penghayatan **Ihsan**. Ironinya, kita meraih dan mengecapi banyak kejayaan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SOARING UPWARDS**

WE'RE IN THE **TOP 1%** OF UNIVERSITIES WORLDWIDE AND WE'RE AIMING HIGHER EVERYDAY...

**270<sup>th</sup>** **QS** WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2016

**49<sup>th</sup>** **QS** ASIAN UNIVERSITY RANKINGS 2016

**17<sup>th</sup>** **QS** WORLD UNIVERSITY RANKINGS

**15 SUBJECTS TOP 200** **QS** WORLD UNIVERSITY RANKINGS by subject

**42<sup>nd</sup>** **BEST** IN THE WORLD IN AGRICULTURE & FORESTRY 2016

**34<sup>th</sup>** **Green Metric** In the World and #1 in Asia

**89<sup>th</sup>** **THE ECONOMIST** RANKINGS

**TOP 75** **REUTERS** ASIA & WEST PACIFIC UNIVERSITY RANKING

#1 MALAYSIA | #5 SOUTHEAST ASIA | #2 ASIA

facebook.com/UPMofMalaysia @upmstmaysia  
instagram.com/upmofmalaysia youtube.com/upmofmalaysia

**AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE**

www.upm.edu.my

Kejayaan UPM sepanjang 2016 yang paling membanggakan ialah citra UPM, apabila ranking dalam **QS World University Ranking telah melonjak sebanyak 61 kedudukan kepada ranking ke-270 di dunia.** Lonjakan ini telah menjadikan UPM berada dalam kelompok satu peratus universiti terbaik dunia pada 2016. Kejayaan cemerlang ini digerakkan secara konsisten, di mana dalam tempoh tiga tahun, UPM berjaya meningkatkan 106 kedudukan, iaitu daripada ranking ke-376 (2014), 331 (2015), hingga ke-270 (2016). Begitu juga pencapaian UPM dalam *QS Asia University Ranking* yang memperlihatkan peningkatan yang amat memberangsangkan, iaitu daripada kedudukan 76 (2014), 66 (2015) kepada ranking ke-49 pada 2016. Kenaikan 17 anak tangga tersebut telah menjadikan UPM berada dalam kelompok 50 universiti terbaik di Asia dan mengisi ranking kedua universiti terbaik di Malaysia.

Ketika kita meraikan kejayaan cemerlang tersebut, sekali lagi UPM yang dikategorikan sebagai universiti muda, iaitu di bawah usia 50 tahun, telah berjaya menduduki tempat ke-17 universiti terbaik dunia, dan menjadi universiti muda terbaik di Malaysia dalam ranking QS Top 50 Under 50. UPM juga berjaya menempatkan 15 subjek dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia melalui *QS World University Ranking by Subjects*. Manakala bagi subjek pertanian dan perhutanan, UPM kekal selama empat tahun berturut-turut dalam senarai 100 universiti terbaik di dunia. Kecemerlangan UPM dalam subjek sains pertanian juga mendapat pengiktirafan *US News & World Report : Best Global Universities for Agricultural Sciences*, apabila agensi penarafan itu telah menyenaraikan UPM pada kedudukan ke-42 di dunia & ketujuh di Asia.



Kita juga mengecapi satu lagi kejayaan yang membanggakan, apabila UPM tersenarai sebagai **Universiti Inovatif Terbaik Malaysia**, ketiga di Asia Tenggara dan ranking ke-73 di Asia, dalam ranking Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities 2016, berdasarkan kecemerlangan UPM dalam sains, penciptaan teknologi baharu dan membantu memacu ekonomi global. UPM juga terus membina reputasi cemerlang apabila *Times Higher Education (THE): BRICS & Emerging Economies Rankings 2016* telah mengumumkan UPM berjaya berada dalam kelompok 100 terbaik dunia, setelah menduduki tangga ke-89 berbanding dengan ranking ke-103 pada 2015, dan **sekali gus menjadikan UPM ranking pertama dalam kalangan universiti Malaysia** yang disenaraikan dalam *THE BRICS & Emerging Economies Rankings 2016*.

Pada peringkat kebangsaan, nama UPM terus berkemundang megah dalam pelbagai lapangan. Antaranya ialah, UPM merangkul hadiah utama Kategori Organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik), Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2016. Kejayaan ini merupakan kemenangan UPM kali keempat (2008, 2012 dan 2014) bagi kategori tersebut sejak Anugerah Harta Intelek Negara diperkenalkan pada 2006. Dalam bidang penyelidikan, tiga penyelidik UPM telah diberi pengiktirafan melalui Malaysia's Rising Star Award (MRSAs) 2016 sebagai penulisan ilmiah yang paling kerap dirujuk oleh penyelidik di seluruh dunia. Penyelidik tersebut ialah Prof. Dr. Mohd. Rafii Yusop (Fakulti Pertanian) bagi Anugerah Elsevier Kerjasama Antarabangsa, Prof. Dr. Jinap Selamat (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan) bagi Anugerah Clarivate Analytics Penyelidik Frontier dan Prof. Madya Dr. Lim Hong Ngee (Fakulti Sains) bagi Anugerah Clarivate Analytics Penyelidik Muda.



Dalam pengiktirafan penyelidikan yang lain, Prof. Madya Dr. Biswajeet Pradhan, Fakulti Kejuruteraan, dipilih sebagai antara lima penyelidik di Malaysia yang merangkul "World Most Highly Cited Researchers 2016" dalam laporan yang diterbitkan oleh Clarivate Analytics, formerly the Intellectual Property & Science Business of Thomas Reuters. Bakat dan kebolehan warga UPM terus diiktiraf dan diangkat ke peringkat global. Dr. Abhimanyu Veerakumarasivam, Pensyarah Kanan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan telah mengharumkan nama UPM dan Malaysia, apabila dinobatkan sebagai pemenang 'Best Science Communicator Award' dalam pertandingan berprestij komunikasi sains, Famelab International Final 2016 di Cheltenham, United Kingdom.

UPM juga bangga dengan pencapaian Prof. Madya Dr. Zuriati Ahmad Zukarnain, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), yang telah memenangi "World Woman Science Grand Award" di 3rd World Scientist Awards (WSA) 2016 di Seoul, Korea Selatan. Beliau juga turut memenangi 'Innovative Inventor Grand Award' bagi 'Order of Merit: Information Technology' di 5th World Inventor Award Festival (WIAF) 2016.







# MOTIVASI KECEMERLANGAN

---

Selain kedudukan ranking, pencapaian UPM turut dilihat dalam konteks pembangunan pelajar dan penghasilan insan berpengetahuan tinggi. **Alhamdulillah, UPM berjaya mengekalkan kecemerlangan pada tahap kebolehpasaran graduan yang tinggi, iaitu 83.5 peratus sehingga Disember 2016.** Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa graduan UPM tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. **Selain itu, UPM juga berjaya menghasilkan 500 orang graduan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam majlis konvokesyen tahun lalu.** Perkembangan ini satu perkara yang amat bermakna kerana UPM menjadi universiti awam yang menghasilkan graduan di peringkat PhD paling ramai, sekaligus membantu hasrat Malaysia memiliki 60,000 pemegang PhD menjelang 2023. Tahniah saya ucapkan.

Antara intipati penting dalam Perutusan 100 hari pelantikan saya sebagai Naib Canselor ialah berkenaan aktiviti kesukarelawanan yang perlu digerakkan secara inklusif, kreatif, proaktif, inovatif dan sistematik, dan budaya sukarela ini mestilah diasimilasikan dalam nilai komuniti UPM. Pada awal 2016, inisiatif kesukarelawanan ini telah dijenamakan sebagai Putra Bakti, dan saya dapati **semangat Putra Bakti telah memperkukuh budaya berbudi, bertoleransi dan penyayang, dan sekali gus telah menaburkan nilai lhsan kepada mereka yang memerlukan.** Putra Bakti telah menterjemahkan sensitiviti, kepekaan dan keprihatinan UPM ke arah mengangkat kecemerlangan kualiti hidup masyarakat.

Banyak program Putra Bakti telah dilaksanakan, antaranya ialah Projek Teratak Semai, 1 Kolej 1 Kampung, *Young Scientists Day*, *Young Doctor's Day*, *Free Market*, *Suspended/Free Meals*, *Intervensi Fusion Lab*, Program Pengesanan dan Pendidikan Kanser, Program Kesedaran Halal, Pertanian Bandaran, Klinik Pakar Pertanian, *Putra Volunteer*, *Didik Network*, Jalinan Kasih @Kota, Sahabat Masjid dan pelbagai program kesukarelawanan lain yang memfokuskan pendidikan dan kesedaran awam, kebajikan staf dan pelajar.





Sebagai contohnya, Projek Teratak Semai, iaitu pembinaan rumah untuk komuniti Orang Asli kaum Semai di Tapah, yang diterajui oleh Jabatan Senibina, Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) dan beberapa agensi lain, telah berjaya membina sepuluh unit rumah di Kampung Batu 16, dan enam unit rumah di Batu 5 Jalan Pahang, Tapah, Perak. Pembinaan rumah ini menggunakan konsep rumah bina sendiri (*self build housing*) yang melibatkan 22 sukarelawan pelajar dan alumni, serta 10 staf FRSB yang diketuai oleh Prof. Madya Ar. Meor Mohammad Fared Meor Razali. Usaha murni ini telah mendapat pengiktirafan negara apabila Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina diberi penghargaan dan pengiktirafan cemerlang apabila dipilih sebagai pemenang *Volunteer Malaysia Award (A Prime Minister's Award)* bagi kategori *Best Volunteer Initiative – DrelM 2016*. Syabas dan tahniah kepada FRSB dan saya meminta supaya inisiatif FRSB ini dijadikan contoh penghayatan **Ihsan** dan model amalan terbaik Putra Bakti dalam menggerakkan inisiatif kesukarelawan.

**Alhamdulillah,  
UPM berjaya  
mengekalakan  
kecemerlangan  
dalam tahap  
kebolehpasaran  
graduan, iaitu  
83.5 peratus  
sehingga  
Disember 2016.**



Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pelajar kita yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang sukan, kebudayaan, kesenian, reka cipta dan pendidikan sama ada di dalam atau luar negara. Antaranya ialah tiga pelajar UPM yang telah dipilih mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik Rio, Brazil 2016. Mereka ialah Jonathan Wong Guanjie, Bachelor Kejuruteraan (Aeroangkasa), Fakulti Kejuruteraan; Zaidatul Husniah Zulkifli, Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani), Fakulti Pengajian Pendidikan; dan Cheong Jun Hoong, pelajar Bachelor Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FMBK). Cheong Jun Hoong yang bergandingan dengan Pandelega Rinong telah mengharumkan nama Malaysia apabila menyumbang pingat pertama Malaysia di Sukan Olimpik Rio 2016

dengan memenangi pingat perak dalam acara terjun 10 meter platform seirama wanita.

Selain itu, melalui pertandingan yang berteraskan akademik, Chong Shen Loong dan Chai Yi Xue, pelajar Bachelor Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem), Fakulti Kejuruteraan, telah mengharumkan nama UPM apabila dinobatkan sebagai juara pertandingan *Award Vertical Farming (AVF)*, anjuran *Association of Vertical Farming (AVF)*, setelah menewaskan lebih 100 pasukan daripada 40 buah negara. Ucapan tahniah juga kepada Farahis Nur Azreen Mohd Ramli, pelajartahun akhir program Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Fakulti Pengajian Pendidikan yang telah dinobatkan sebagai pemenang Projek Video Malaysia (PROVIM 2016).



Seterusnya, ucapan syabas kepada 13 pelajar program Bacheloer Kejuruteraan (Aeroangkasa), Fakulti Kejuruteraan yang telah memenangi tempat pertama Kategori Video Terbaik dalam *Global Space Balloon Challenge 2016* melalui kajian berkenaan eksperimen *High Altitude Balloon (HAB) Based System for Aerosol Sampling, Low-Cost Near-Infrared Agricultural Imaging Subsystem using High Altitude Balloon (HAB) dan Smart Memory Alloy Study Platform in High Altitude Environment*. UPM merupakan satu-satunya Universiti di Asia yang berjaya memenangi salah satu kategori yang dipertandingkan.

Sekalung syabas juga kepada Kelab Nasyid Nahwan Nur yang telah mengharumkan nama UPM apabila berjaya

mewakili Selangor dalam Festival Nasyid Kebangsaan dan seterusnya dinobatkan sebagai Johan Kategori Moden dan lagu ciptaan UPM, dipilih sebagai pemenang kategori lagu terbaik Festival Nasyid Kebangsaan 2016. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada enam pelajar Fakulti Kejuruteraan yang terpilih mewakili Malaysia ke pertandingan lumba kereta Student Formula Japan 2016, bersaing dengan 93 kereta dari seluruh dunia untuk kategori utama *International Combustion Engine (ICV) Class dan 13 Electrical Vehicle (EV) Class* di Shizuoka Prefecture, Jepun. Kejayaan mewakili Malaysia memberikan satu pengalaman baharu dan pendedahan kepada pelajar tersebut khususnya dalam kerjaya kejuruteraan mekanikal dan automotif serta meningkatkan pengetahuan dalam bidang pembuatan.







# KELESTARIAN HIJAU DAN TAMAN BOTANI

---

Saya telah meletakkan harapan yang tinggi untuk melihat UPM kekal menerajui kelestarian hijau di rantau ini. Kelestarian hijau ini bukan hanya diukur dalam UI-Green Metric World University Ranking semata-mata, tetapi diterjemahkan dengan pelbagai projek yang berimpak tinggi dan meningkatkan kesejahteraan kampus. Alhamdulillah, empat program utama kelestarian hijau sedang dilaksanakan, iaitu (1) pembangunan kampus dalam taman, (2) menaik taraf kemudahan dan memperindah lokasi eDU-PARK (3) pelaksanaan pertanian bandaran dan (4) Kempen “recycle to cycle”.

Sepanjang tahun 2016, kita berjaya menjana beberapa projek berkaitan kelestarian hijau yang digerakkan secara bersepadu dengan program visibiliti pertanian, khususnya untuk menjadikan UPM sebagai Taman Botani. Antara projek tersebut ialah penanaman pokok *Tabebuia* sp. sepanjang Lebuh Silikon, naik taraf landskap di Anjung Putra, landskap Halaman Budi, landskap Bangunan Canselori Putra, landskap Pintu Masuk Stadium, landskap hadapan Fakulti Ekologi Manusia, landskap di bulatan laluan ke Pejabat TNC JINM dan Sekolah Pengajian Siswazah, landskap di Persada Cendekia, persimpangan dan hadapan Masjid UPM, landskap di bulatan Kolej KOSASS dan beberapa aktiviti penanaman pokok, termasuk Program Mega Penanaman Pokok yang melibatkan enam zon utama dan pelaksanaan kempen 1 Staf 1 Pokok.

Sebagai contohnya, Program Mega Penanaman Pokok dalam kawasan kampus Serdang dan Kampus Bintulu,

berjaya menarik penyertaan lebih 3000 pelajar dan staf, dan projek ini berjaya menanam lebih 10,000 pokok dengan mendapat kerjasama syarikat pasar raya TESCO, melalui impak inisiatif jaringan industri UPM. Ini merupakan satu projek yang sangat berkesan dalam menerapkan budaya cintai alam dan meningkatkan persekitaran hijau dalam kampus UPM. Usaha seumpama ini mestilah diteruskan pada tahun 2017, dijadikan sebagai aktiviti tahunan UPM dan berusaha mendapat penyertaan yang lebih ramai daripada komuniti kampus, alumni, masyarakat setempat dan pihak industri. Melalui kempen 1 Staf 1 Pokok pula, kita berjaya mengumpul lebih daripada RM23,000 sumbangan daripada warga kampus dan sumbangan ini akan digunakan untuk meningkatkan kehijauan dan keindahan persekitaran kampus. Kempen 1 Staf 1 Pokok akan dipergiat pada tahun 2017 dan saya meminta supaya semua warga UPM dapat memberi sokongan yang padu terhadap usaha kelestarian hijau ini.



Melalui pelan kelestarian hijau, UPM juga telah meluluskan projek Gapura Putra dan pembinaan Children's Garden dan Sensory Garden. Sebahagian kerja-kerja pelaksanaan projek ini telah dimulakan pada 2016 dan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2017. Alhamdulillah, melalui komitmen UPM dalam meningkatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, pelbagai projek persekitaran, penyelidikan dan pengajaran, UPM telah dipilih oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia) sebagai penerima Anugerah Pemuliharaan Alam Sekitar 'PEKA Award' (Eco Tertiary Award) 2016. Pengiktirafan tersebut diberikan oleh PEKA atas sokongan dan inisiatif UPM dalam membantu memelihara serta memulihara hutan hujan tropika melalui aktiviti pengajaran dan penyelidikan dan, sekali gus memperlihatkan usaha UPM dalam memperjuangkan khazanah alam di Malaysia.

Kita juga bersyukur kerana keputusan **UI-GreenMetric World University Ranking 2016 telah meletakkan UPM ranking pertama di Malaysia**, kedua di Asia Tenggara, keempat di Asia dan ranking ke-34 di dunia. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga UPM yang telah bersama-sama membina legasi kecemerlangan dan kelestarian hijau yang telah meletakkan UPM dalam senarai 50 terbaik Green University di dunia.

**UPM telah dipilih oleh Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA Malaysia) sebagai penerima Anugerah Pemuliharaan Alam Sekitar 'PEKA Award' (Eco Tertiary Award) 2016.**









# KEBITARAAN BIDANG PERTANIAN

---

Dalam usaha menjamin kedaulatan makanan sentiasa terpelihara selain menyerlahkan peranan UPM sebagai hab kecemerlangan pertanian di negara dan global, UPM akan terus memanfaatkan kewujudan Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan atau ITAFoS. UPM berharap, dengan kekuatan penyelidikan dan kepakaran yang dimiliki, ITAFoS akan berupaya mencapai visinya sebagai peneraju utama dalam penyelidikan baharu pertanian tropika dan sekuriti makanan untuk kemajuan pertanian mampan. Ini boleh dilakukan melalui misi menyediakan dan merangsang pertumbuhan ekonomi melalui pelbagai disiplin, dan aktiviti-aktiviti penyelidikan berasaskan pengetahuan, program pasca siswazah, dan latihan kepakaran.

**UPM telah memulakan inisiatif visibiliti pertanian dengan melaksanakan tiga projek *showcasing*, iaitu *Roof Top Urban Agriculture* di Bangunan Canselori Putra, *Urban Agriculture* dan projek naik taraf Ladang 15 Fakulti Pertanian.**

Pada 2016 juga, kita telah memulakan inisiatif visibiliti pertanian dengan melaksanakan tiga projek *showcasing*, iaitu *Roof Top Urban Agriculture* di Bangunan Canselori Putra, *Urban Agriculture* di Fakulti Pertanian dan projek naik taraf Ladang 15 Fakulti Pertanian. Program ini telah dan sedang dilaksanakan secara berperingkat mengikut pelan pelaksanaan yang telah diluluskan. Kita juga telah menerbitkan '*Booklets*' dan '*Leaflets*' informasi pertanian yang diedarkan kepada ahli Parlimen, Dewan Rakyat, Dewan Negara dan pegawai utama agensi kerajaan, supaya informasi pertanian UPM dapat menarik perhatian kumpulan pembuat dasar dan sekali gus disebarluaskan kepada komuniti daerah jajahan terbabit. '*Booklets*' dan '*Leaflet*' UPM ini mengandungi maklumat inovasi dan teknologi pertanian UPM, statistik berkaitan pertanian, ranking pertanian UPM peringkat global, inisiatif pertanian UPM bersama komuniti, kolaborasi antarabangsa dan alumni tersohor UPM. Banyak ucapan terima kasih telah diterima dan menjadi galakan kepada UPM untuk meneruskan usaha merapatkan jurang informasi dengan komuniti dan seterusnya menonjolkan bidang pertanian sebagai teras utama UPM.



Untuk meningkatkan kesedaran warga kampus dan pada masa yang sama menonjolkan keunikan pertanian bandar, UPM juga telah mengadakan Pertandingan Pertanian Bandar Kolej Kediaman UPM. Pelaksanaan aktiviti visibiliti pertanian akan dipergiat secara berterusan dan diperluas dalam pelbagai bentuk inisiatif untuk memastikan bahawa inovasi pertanian yang dipelopori UPM dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.

Menyentuh tentang disiplin pertanian, Fakulti Pertanian dan Institut yang berkaitan pertanian mestilah memainkan peranan penting dalam meningkatkan inovasi dan teknologi pertanian negara. Sebagai contohnya, isu padi dan beras sering kali menjadi topik perbincangan melibatkan setiap peringkat rantaian bekalan, kadangkala amat membimbangkan kerana ia menggugat nasib petani atau pesawah secara langsung dan tidak langsung. Bagi meningkatkan pengeluaran padi, antara isu yang perlu diberi perhatian termasuklah kadar pengeluaran sehektar, terutama di luar kawasan jelapang padi, dengan menambah baik infrastruktur, benih bermutu, pengairan serta kawasan penanaman yang luas.

**Pelaksanaan aktiviti visibiliti pertanian akan dipergiat secara berterusan dan diperluas dalam pelbagai bentuk inisiatif untuk memastikan bahawa inovasi pertanian yang dipelopori UPM dapat dimanfaatkan oleh masyarakat dan negara.**





Rentetan senario padi negara, saya amat memuji kemampuan berfikir penyelidik kita, dan saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Penyelidik UPM yang berjaya menghasilkan sembilan teknologi padi yang mampu meningkatkan pengeluaran hasil tanaman di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA-Ketara) sehingga tujuh tan sehektar setahun menjelang 2025. Penghasilan sembilan teknologi padi itu adalah menerusi inisiatif Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) bernilai RM10 juta bagi bidang keutamaan sekuriti makanan yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2011. Projek penyelidikan ini diketuai oleh Prof. Dr. Mohd Razi Ismail. **Sembilan produk tersebut ialah LRGS 1:U Grow, LRGS 2:U Filler, LRGS 3:U Baja Asid Sulfat, LRGS 4:U Enhance S2, LRGS 5:AHA-Acid Humik Teraktif, LRGS 6:Putra Saponim Nanoemulsi, LRGS 7:Putra Air Unmanned, LRGS 8:Putra-Karah dan LRGS 9:Putra-Submergen.** Teknologi padi UPM ini amat signifikan untuk membantu golongan petani menjimatkan kos dan meningkatkan pendapatan mereka, sekali gus menyumbang kepada pengeluaran hasil padi negara, selain mengatasi masalah penyakit karah dan serangan serangga.

Sudah tiba masanya kita memikirkan secara serius bagaimana untuk memastikan impak penyelidikan kita melewati tuntutan akademik. **Kita perlu merencanakan pemindahan ilmu dan kepakaran agar hasil penyelidikan dapat dikongsi bersama oleh masyarakat. Sehubungan dengan itu, penyelidikan bersifat translational yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat perlu kita giatkan.** Lebih-lebih lagi, inovasi pertanian ini adalah contoh penghayatan **Ihsan** yang diterjemahkan melalui pembangunan R&D, untuk kesejahteraan rakyat, dan kekayaan negara. Saya amat berharap, usaha perkongsian ilmu dan kepakaran seperti ini dapat dijadikan contoh oleh kumpulan penyelidikan yang lain dan diperluaskan dalam pelbagai disiplin untuk menghuraikan permasalahan dan memanifestasikan inovasi dan teknologi untuk kemakmuran masyarakat.

Usaha memperkasa kecemerlangan pertanian di negara wajar dilakukan secara sinergi bagi mendapatkan impak yang lebih besar. Dalam hal ini, UPM amat terbuka dalam menyahut semangat keserakanan dan menjalin kerjasama dengan universiti dan institut penyelidikan yang lain. **Sehubungan dengan itu, UPM akan terus mempergiat kerjasama bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) misalnya, dalam memperjuang isu dan cabaran kedaulatan makanan di negara. Kepakaran yang dimiliki oleh UPM dan MARDI akan dapat membantu melonjakkan lagi keutuhan sektor pertanian negara demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat.** Berbagai inisiatif telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.





# PENYELIDIKAN DAN KEPERLUAN STRATEGIK NEGARA

Tahun ini, genap sepuluh tahun UPM menerima status sebagai Universiti Penyelidikan. Sebagai universiti penyelidikan, UPM diberi tanggungjawab menjadi hab kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan sebagai pemacu kepada Malaysia yang maju lagi inovatif. Sejak 2007, UPM berjaya mengekalkan status universiti penyelidikan apabila status tersebut telah diperbaharui sebanyak dua kali, iaitu pada 2010 dan 2013. **Kejayaan ini berdasarkan pencapaian cemerlang UPM dalam penghasilan insan berpengetahuan tinggi, penerbitan berimpak tinggi, paten dan harta intelek, pengkomersialan serta penjana pendapatan. Selain itu, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) dan Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) telah diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) mulai Januari 2017. Ini menjadikan jumlah keseluruhan HICoE yang dimiliki oleh UPM ialah tiga buah selain Institut Biosains (IBS). Tahniah diucapkan.**

**Saya percaya, dedikasi penyelidik, ahli akademik, semua staf dan para pelajar adalah tunjang kepada pengekalan status UPM sebagai universiti penyelidikan.**

Saya percaya, dedikasi penyelidik, ahli akademik, semua staf dan para pelajar adalah tunjang kepada pengekalan status UPM sebagai universiti penyelidikan ini. Budaya penyelidikan yang terus subur adalah pemangkin kepada pencapaian UPM sebagai hab kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan di negara. Walau bagaimanapun, usaha kita tidak boleh terhenti dan ternoktah di sini. **Seperti harapan YB. Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun Baharu 2017, naratif sektor penyelidikan perlu berganjak daripada ‘membudayakan penyelidikan’ kepada ‘penyelidikan yang boleh memberi manfaat terus kepada masyarakat’.** Selepas kejayaan penyelidikan inovasi padi seperti yang saya jelaskan sebentar tadi, lebih banyak penyelidikan bersifat translational dapat dijayakan oleh para penyelidik kita. **Justeru, saya mencadangkan agar penyelidikan di bawah kategori Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang/ Long Term Research Grant Scheme (LRGS) yang berpotensi dan diterajui oleh UPM, boleh diangkat sebagai penyelidikan translasional. Pihak universiti akan sentiasa memberi sokongan penuh bagi menjayakan hasrat murni ini.**





Pengurangan bajet untuk sektor pendidikan tinggi negara telah mengakibatkan pembidaan geran penyelidikan daripada dana kerajaan semakin kompetitif. Justeru, kita tidak boleh lagi berharap sepenuhnya kepada dana kerajaan, sebaliknya meneroka sumber dana lain sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. **Dalam hal ini, Pusat Pengurusan Penyelidikan atau RMC telah merancang untuk mewujudkan Unit Dron Dana (Fund Droning Unit) bagi menjalankan risikan pintar berhubung peluang membida dana dari pelbagai agensi luar dan dalam negara. Geran Putra Berimpak juga telah diperkenalkan mulai 1 Oktober 2016 kepada penyelidik yang telah mencuba untuk mendapatkan geran luar tetapi tidak berjaya. Selain itu, inisiatif 'Industrial Collaboration Engagement' yang melibatkan rakan industri seperti POS Malaysia, RedHat, Redtone, MDEC dan Sime Darby dengan akademia sedang digiatkan.**

Salah satu pendekatan yang mahu diterapkan oleh universiti untuk berhadapan dengan cabaran pendanaan penyelidikan ialah melalui keserakanan atau *collegiality*. Saya percaya melalui semangat dan pendekatan keserakanan, kita boleh melakukan sesuatu perkara secara bersama dengan lebih berimpak tinggi. Sehubungan dengan itu, satu kertas kerja sedang disediakan bagi mewujudkan geran kolaborasi dengan Universiti Awam bagi meningkatkan kerjasama antara penyelidik. **Inisiatif ini melibatkan penyelidik UPM untuk projek penyelidikan seperti Kesihatan dan Kesejahteraan (Health and Wellbeing), B40 dan Komuniti Terpinggir (B40 and Marginalized Communities), Tenaga dan Keselamatan Air (Energy and Water Security), Keselamatan Makanan (Food Security) dan Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana (Climate Change and Disaster Management).**





# BAKAT DAN KEPEMIMPINAN AKADEMIK

Kemampuan universiti menggapai visi sebuah universiti bereputasi antarabangsa sangat bergantung kepada kelestarian kecemerlangan bakat akademik yang mengungguli komuniti keilmuannya. Universiti prihatin bahawa bakat yang produktif bergantung kepada kompetensi, komitmen dan sumbangan Ihsan staf. Universiti perlu memastikan bahawa staf mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap dan minda yang sesuai untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan. Universiti juga perlu memastikan staf mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas serta siapsiaga untuk memberi sumbangan bermakna sebagaimana yang diamanahkan dengan **Ihsan**. Kepelbagaian kecemerlangan bakat akademik yang dimiliki universiti dalam penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan profesional yang mendokong kesohoran universiti selama ini perlu terus diurus, dibangun dan diperkasakan dari semasa ke semasa dengan strategik, cekap dan berkesan.



Justeru, universiti akan terus memastikan calon himpunan bakat dikenal pasti, dibangun dan diperkasa berdasarkan kompetensi, komitmen dan sumbangan **Ihsan** bagi penghasilan kecemerlangan universiti bereputasi antarabangsa. Selaras dengan Lonjakan Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), universiti akan memperkasakan kecemerlangan bakat berdasarkan empat laluan kerja iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional serta kepemimpinan institusi. Selain daripada mengenal pasti dan mendapatkan calon akademik, profesional dan pengurusan serta pelaksana yang sesuai, berkualiti dan berketrampilan, universiti akan membangun dan memperkasa himpunan bakat, merancang pelan penggantian, menaksir, membimbing dan menilai bakat serta menugaskan bakat berdasarkan kompetensi, komitmen dan sumbangannya terhadap pencapaian visi dan misi universiti. Setiap ahli akademik universiti perlu menguasai kompetensi asas dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengurusan sebelum mereka memberi tumpuan dan memilih laluan kerjaya **untuk menjadi pendidik berinspirasi, penyelidik tersohor, pengamal profesional berpengalaman dan pemimpin institusi akademik bertransformasi.**

Pada ketika ini universiti menyediakan pelbagai program dan latihan pembangunan himpunan bakat, pelan penggantian dan kerangka penataran profesional berterusan. Latihan kompetensi disediakan kepada staf akademik, staf pengurusan dan profesional serta staf pelaksana bertujuan untuk; menyediakan staf berkecekapan, berkebolehan dan berkemampuan; mencapai hasil kerja yang berkualiti tinggi; meningkatkan kompetensi dan produktiviti; membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif; mewujudkan nilai cipta dan nilai tambah; dan menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya.



Bagi memastikan kemapanan bakat dan kelestarian universiti agar terus relevan, terujuk dan dihormati, Pejabat Pendaftar bersama Pusat Pembangunan Akademik dengan kerjasama Fakulti, Institut, Pusat Pentadbiran dan Kolej Kediaman disaran memantapkan himpunan bakat, pelan penggantian dan kerangka penataran profesional berterusan bagi staf akademik, staf profesional dan pengurusan serta staf pelaksana. Bagi tujuan tersebut, pemantapan bidang tujahan dan pengajian akademik universiti perlu dikemas kini sebelum pengemaskinian pelan penggantian dan penentuan bilangan dan kualiti himpunan bakat. Setiap jawatan kepimpinan akademik dan institusi perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga staf pelapis pada sesuatu masa bagi memastikan kemapanan kepimpinan bidang tujahan dan pengajian akademik yang dikenal pasti.

Kerangka penataran profesional berterusan universiti perlu dimantap dan dikemas kini bagi memastikan ianya berstruktur dan berupaya membangun dan memperkasakan bakat secara menyeluruh dengan lebih strategik, cekap dan berkesan. Kerangka perlu mengambil kira pengiktirafan kompetensi profesional dan pengalaman pembelajaran bagi tujuan kemajuan kerjaya dan akademik. Strategi penawaran program dan latihan yang lebih mantap, cekap dan berkesan perlu diteroka, dibangun dan dijalin dengan agensi dan badan berkaitan seperti Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).

Fakulti, Institut, Pusat Pentadbiran dan Kolej Kediaman disaran membantu pengukuhan kerangka dan program penataran profesional berterusan, memastikan setiap staf mengikuti program berkaitan dan membantu membimbing, memantau dan membangunkan staf berkenaan bersesuaian dengan keperluan pelan penggantian dengan mengambil kira bakat dan pilihan staf. Setiap staf pula perlu bertanggungjawab memastikan mereka melibatkan diri secara proaktif dalam pembangunan bakat, pelan penggantian dan penataran profesional berterusan agar diri mereka terus relevan dengan agenda universiti sepanjang masa.

Dalam Amanat 100 hari sebagai Naib Canselor UPM pada tahun lalu, saya telah menyebut tentang usaha UPM untuk memastikan ahli akademik muda sentiasa mendapat suntikan motivasi melalui program ***Unshackling Young Academics***. Sukacita, ingin saya memaklumkan bahawa program ini telah berjalan selama dua kali pada tahun 2016 dan ia akan diteruskan lagi pada tahun 2017 ini. Program ini yang menyasarkan ahli akademik yang berkhidmat dalam tempoh masa lima tahun dilihat telah memberikan suntikan motivasi kepada peserta yang hadir. Sehingga kini, seramai 114 orang pegawai akademik telah menghadiri program ini. Saya berharap program ini dapat diteruskan dan penyertaan peserta dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.





# KECEMERLANGAN DAN KEINSANAN PELAJAR

---

Perubahan zaman dan perkembangan semasa sama sekali tidak boleh merubah peranan asal universiti untuk memupuk graduan yang berilmu dan berkualiti tinggi. Meskipun muncul peranan baharu universiti seperti memperkukuh pemindahan ilmu dan kepakaran serta membina keterlihatan atau 'visibility' di peringkat global melalui sistem penarafan ranking dunia, peranan universiti untuk membangun bakat dan keinsanan pelajar adalah sentiasa relevan, juga kritikal. Malah, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025, **penghasilan graduan yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang, diangkat sebagai lonjakan pertama.**

UPM sentiasa menyedari bahawa agenda pembangunan pelajar adalah antara keutamaan terpenting universiti bagi menjana insan atau bakat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk pembangunan, kemajuan dan transformasi negara. Bukan itu sahaja, insan atau bakat yang dipupuk ini, mestilah berupaya menjadi warganegara yang baik yang mempunyai nilai luhur dan budaya tinggi. Dalam usaha membangun bakat dan keinsanan pelajar, untuk tahun 2017, saya mencadangkan agar UPM memberi fokus kepada tiga pendekatan, iaitu **menyantuni anjakan modal insan kepada Insan, mengaplikasi “Pengalaman Kampus sebagai Persiapan Kehidupan”, dan penggunaan teknologi dalam pembelajaran.** Saya percaya dan berkeyakinan tinggi, jika ketiga-tiga pendekatan ini dilaksanakan dengan baik, kita berada pada landasan yang tepat untuk memupuk bakat dan keinsanan pelajar seperti yang dihasratkan.

Dalam merencanakan usaha memupuk bakat dan keinsanan pelajar serta selaras dengan aspirasi Kementerian, sudah tiba masanya kita **beranjak daripada menjana modal insan kepada insan (human capital to human beings).** Kita perlu sedar bahawa tugas kita bukan menghasilkan **graduan sebagai tenaga kerja kompeten semata-mata, tetapi insan yang mempunyai nilai-nilai luhur dan budaya tinggi selari dengan konsep IHSAN yang menjadi pegangan universiti.** Langkah ini sangat penting kerana dalam arus globalisasi yang telah menghakis nilai-nilai agama, moral, kekeluargaan dan kemasyarakatan, negara memerlukan graduan yang mempunyai kekuatan nilai, moral dan berbudaya. Nilai luhur ini termasuklah menjunjung nilai kebenaran dan keadilan yang menjadi tunjang kepada nilai kemanusiaan itu sendiri. Kita mahu graduan UPM, bukan sahaja mampu mendapat pekerjaan dan mencipta pekerjaan, tetapi menjadi suri teladan kepada masyarakat dan warganegara yang baik. Pada masa yang sama, dalam menangani dampak globalisasi, kita juga mahu memastikan graduan yang dihasilkan mempunyai minda yang dapat memahami kepelbagaian budaya yang akhirnya berupaya mempromosi nilai kemanusiaan dan ketamadunan (**human values and civilization**) sejagat.





Seiring dengan usaha menjana insan berpengetahuan tinggi, UPM telah mengorak langkah memperkenalkan pentaksiran bersepadu 'Integrated Cumulative Grade Point Average' (iCGPA) bagi memberikan nilai tambah kepada pelajar agar bersifat holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan, selain memastikan mereka lebih berdaya saing dalam alam pekerjaan. Dalam hal ini, Program Bacelor Sains Komputer (Sistem Komputer) telah dijadikan program rintis iCPA di peringkat kebangsaan mulai Semester 1 Sesi 2016/2017, manakala semua fakulti telah memilih satu program bagi setiap fakulti sebagai program rintis iCGPA peringkat UPM. Pentaksiran bersepadu (iCGPA) ini akan dilaksanakan untuk semua program secara berperingkat sebagai pemangkin ke arah mempertingkatkan kualiti pentaksiran untuk mengukur pencapaian pelajar berasaskan hasil pembelajaran dengan lebih berkesan.



Selain inisiatif iCGPA, UPM akan terus meligat penawaran program 2u2i, iaitu program Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work-Based Learning*) bagi memastikan graduan dapat memenuhi keperluan industri, di mana pelajar berada dua tahun di universiti dan dua tahun di industri. Untuk makluman semua, Program Bacelor Sains Pengurusan Perladangan (BSPP) adalah program sulung yang ditawarkan secara 2u2i. Sehingga kini, seramai 38 orang pelajar telah mendaftar dalam kursus tersebut yang merangkumi 25 orang bagi pengambilan Semester September, Sesi 2016/2017, manakala 13 orang lagi adalah bagi pengambilan terdahulu, iaitu Semester September, Sesi 2015/2016. Model 2u2i ini akan terus diperluaskan kepada bidang pengajian yang lain seperti Bacelor Sains Teknologi Kayu, Bacelor Sains (Keselamatan Persekitaran dan Pekerjaan), Bacelor Rekabentuk (Rekabentuk Industri) dan Bacelor Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian). Malah, ia juga akan dilaksanakan secara 3u1i, iaitu tiga tahun di universiti dan setahun di industri. UPM yakin model pembelajaran berasaskan industri ini akan dapat mempersiapkan pelajar dengan pengalaman dunia pekerjaan sebenar semasa dalam pengajian.





UPM juga akan terus merencanakan lagi pelaksanaan *CEO @Faculty Programme* sebagai platform perkongsian pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama warga UPM, khususnya pelajar dalam membentuk serta membimbing bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka serta pembangunan sahsiah secara holistik. **Pada tahun lalu, UPM telah menerima pelantikan CEO seperti Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi & Multimedia, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Bakke Salleh, President & Group Chief Executive, Sime Darby Berhad, Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Tony Fernandes, Group CEO, AirAsia Berhad, dan Encik Fahmy Ismail, CEO, Boustead Plantation Berhad.** Beberapa aktiviti telah dijalankan bersama CEO @Faculty, yang memberi impak kepada pelajar dan staf UPM, seperti program bersama Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Tony Fernandes di Kampus Serdang pada 19 April 2016, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Bakke Salleh di Kampus Bintulu pada 10 Oktober 2016, dan Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad di Angkasapuri pada 23 Januari 2017. **Pada masa yang sama, UPM akan terus memperkukuh kerjasama dengan Menteri Mentor, iaitu Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. UPM akan sentiasa menyusun program bersama Menteri Mentor bagi memperkasa usaha untuk terus melonjakkan kecemerlangan UPM.**





# PENGALAMAN PEMBELAJARAN SEBAGAI PERSEDIAAN KEHIDUPAN

Kecemerlangan akademik adalah tuntutan asas kepada para pelajar. Mereka perlu sedaya upaya menggalas amanah ilmu dengan penuh dedikasi, kejujuran dan minat yang tidak berbelah bahagi. Walau bagaimanapun, dalam usaha menghasilkan insan seperti yang kita aspirasikan, pencapaian akademik semata-mata tidak mencukupi. Sebaliknya, pelajar kita perlu dibekalkan dengan pengalaman pembelajaran sepanjang empat atau lima tahun sewaktu di kampus. **Saya percaya, pengalaman pembelajaran inilah yang akan membentuk keperibadian dan kematangan pemikiran pelajar sebelum mereka keluar ke dunia yang sebenar lagi mencabar.**

**Program *Gap Year* yang akan dimulakan oleh lapan buah universiti awam pada September akan datang bermatlamat memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan di agensi awam atau swasta, di dalam atau di luar negara.**

UPM amat mengalu-alukan program *Gap Year* seperti yang telah diumumkan oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi dalam majlis Amanat Tahun 2017 bulan lalu. Program yang akan dimulakan oleh lapan buah universiti awam pada September akan datang bermatlamat memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba pengalaman dalam melaksanakan kerja sukarelawan di agensi awam atau swasta, di dalam atau di luar negara. UPM sebagai salah sebuah universiti awam yang terpilih menjayakan program *Gap Year* ini akan mula menyusun strategi dan kaedah terbaik bagi memastikan ia dapat berjalan dengan sebaik mungkin, termasuk mengenal pasti peluang dan ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dan jaringan industri serta komuniti. **Sehubungan dengan itu, saya meminta agar Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dapat memperhalusi perancangan pelaksanaan program *Gap Year* ini dengan kerjasama PTJ yang berkaitan. Walau bagaimanapun, saya berharap kaedah pelaksanaan program ini perlulah fleksibel dengan mengambil kira potensi, kecenderungan dan minat seseorang pelajar.**











# TEKNOLOGI DALAM PEMBELAJARAN

---

Revolusi industri keempat atau era digital, menyaksikan kemajuan penggunaan teknologi secara radikal yang telah mempengaruhi konsep pembelajaran dan pengajaran di universiti menjadi lebih kreatif dan inovatif. Penggunaan dan pengaplikasian teknologi ini juga telah memperluas akses dan menjadikan pendidikan semakin lebih mudah dan fleksibel. Dalam kata lain, **pembelajaran boleh berlaku di mana-mana, pada bila-bila masa**. Kini, kaedah pembelajaran berasaskan teknologi menjadikan pembelajaran di UPM tidak lagi terkongkong dengan batasan fizikal kelas.

**Pembelajaran  
berasaskan  
teknologi  
menjadikan  
pembelajaran  
di UPM  
tidak lagi  
terkongsong  
dengan batasan  
fizikal kelas.**

Sebagai salah satu usaha untuk melonjakkan nama UPM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendepani e-pembelajaran, **Jawatankuasa e-Pembelajaran (JKeP) Universiti Putra Malaysia telah ditubuhkan.** Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merencana serta menggerakkan pelbagai inisiatif serta program berkaitan e-pembelajaran untuk memperkasa dan melonjakkan inovasi pengajaran dan pembelajaran di UPM berasaskan teknologi terkini di kalangan ahli akademik. Jawatankuasa ini akan memfokuskan kepada empat aspek utama yang dilihat dapat meningkatkan keternampakan UPM sebagai universiti awam yang sentiasa ke hadapan dalam e-pembelajaran. **Empat fokus tersebut adalah merencanakan penyelidikan dan penerbitan, memperkasa jaminan kualiti dan e-kandungan; memantapkan promosi serta jaringan industri dan masyarakat; dan mendepani inovasi teknologi.**

Bagi memantapkan pelaksanaan pembelajaran berasaskan teknologi serta menyokong pelaksanaan **“flipped classroom”** sebagai salah satu kaedah inovasi P&P di bawah pelaksanaan pembelajaran teradun, Pusat Pembangunan Akademik UPM (CADE) telah memperkenalkan perkhidmatan rakaman dan pembangunan video maya yang didedikasikan khas untuk tujuan Pengajaran dan Pembelajaran kepada para pegawai akademik menerusi inisiatif **Putra Innovation Studio. Putra Innovation Studio** adalah sebuah studio maya yang dilengkapi peralatan rakaman video, multimedia dan perisian terkini. Ia dilihat akan memangkinkan usaha kepada pembangunan kandungan kursus MOOC dan e-pembelajaran. Dalam tempoh tiga bulan pelancarannya sejak hujung 2016, sebanyak 22 sesi rakaman video pengajaran telah dilaksanakan oleh pensyarah dari pelbagai fakulti. Secara tidak langsung, ia juga akan menggalakkan penghasilan e-kandungan asli seperti yang disebutkan di dalam Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN).

Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan tenaga akademik dan pelajar mendapat pendedahan dengan kaedah baharu pembelajaran berteknologi tinggi, Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP) telah diberi mandat untuk mewujudkan sebuah **model kelas abad ke-21 yang diberi nama sebagai Putra Future Classroom** berdasarkan kepada penanda arasan yang dilakukan dengan universiti dalam dan luar negara. Putra Future Classroom ini membolehkan pengintegrasian antara teknologi terkini dengan pengajaran dapat dilakukan, serta kaedah pembelajaran berinovasi tinggi dapat didemonstrasikan. *Putra Future Classroom* akan dimulakan untuk kelas Kursus Kaedah Mengajar bagi optimum jumlah pelajar 35 orang untuk setiap sesi. Model kelas alaf baharu yang akan memulakan operasi pada tahun ini, diharapkan akan dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berintegrasikan teknologi terkini di universiti dan seterusnya menambah baik amalan semasa pengajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran generasi pelajar yang berbeza. Dalam menjayakan usaha yang julung kalinya diperkenalkan di universiti awam ini, saya mempelawa pakar daripada semua fakulti untuk sama-sama menyumbang idea dan usaha untuk memastikan inisiatif universiti ini tercapai. *Putra Future Classroom* di FPP ini akan menjadi perintis kepada pembangunan model kelas alaf baharu di kesemua fakulti di UPM bagi membolehkan pelaksanaan bersifat menyeluruh dapat dijalankan.

Kemudahan yang disediakan oleh UPM tidak akan bermakna sekiranya ia tidak digunakan dengan sepenuhnya. Justeru, UPM amat berbangga dengan barisan pegawai akademik yang sentiasa memastikan pengetahuan terkini tentang kaedah pembelajaran berteknologi tinggi diberi perhatian yang sewajarnya. Sebagai contoh, penerima *Creative and Interactive E-Learning Award, International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2016*, Professor Madya Dr Wan Zuhainis Saad daripada Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, telah menggunakan teknologi *Augmented Reality (AR)* dalam pembelajaran kelas beliau. **AR merupakan satu teknologi terkini yang menggabungkan dua dunia, iaitu dunia sebenar dan dunia maya.** Melalui pendekatan AR, pelajar akan diberi peluang untuk melihat senario maya yang digabungkan pada latar belakang atau objek yang sebenar. Ini seterusnya akan memberikan mereka peluang untuk menggunakan daya imaginasi yang tinggi.





# KECEMERLANGAN KAMPUS BINTULU

---

Kedudukan UPM Kampus Bintulu (UPMKB) yang terletak di tengah-tengah negeri Sarawak, menjadikan ia strategik untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan, kemajuan dan transformasi Sarawak menerusi peranannya sebagai pusat pendidikan, penyelidikan dan inovasi. Pada masa yang sama, kehadiran industri di Bintulu boleh mendorong kerjasama UPM untuk manfaat bersama. Melihat kepada kelebihan ini, UPM telah menyasarkan pengukuhan governans Kampus Bintulu agar ia mampu bergerak sebagai sebuah entiti yang lebih dinamik dan berstrategik. Pengukuhan governan sedang dilihat secara terperinci sebelum tindakan seterusnya dijalankan.





Pada masa yang sama, pengukuhan UPM Kampus Bintulu perlu diteliti secara mendalam dan bukan hanya terhad kepada kepelbagaian penawaran program akademik sahaja. Justeru, pihak pengurusan universiti telah membuat perancangan dengan mantan Ketua Menteri Sarawak (Almarhum Tan Sri Adenan Satem) pada November tahun lalu dan akan diperincikan lagi bersama Ketua Menteri Sarawak yang baharu, iaitu YB. Datuk Seri Abang Johari Tun Openg. Selain pertanian, UPMKB juga perlu memberi fokus terhadap bidang-bidang lain yang relevan. Dalam pada itu, bidang pertanian perlu memberikan fokus kepada kemahiran profesional dan teknologi tinggi. UPMKB perlu mengeluarkan graduan yang dapat memahami dan mengadaptasi kemahiran baharu dengan cepat, berbanding mengeluarkan tenaga mahir yang boleh disumbangkan oleh institusi teknikal dan vokasional. Selain itu, UPMKB juga perlu memainkan peranan untuk memperkaya pengetahuan dan kemahiran khususnya warga industri menerusi pemberi perkhidmatan pembangunan industri.

Ekosistem universiti yang kondusif amat bergantung kepada kemudahan dan prasarana yang baik. **Dalam hal ini, saya ingin berkongsi satu khabar gembira, iaitu universiti telah meluluskan satu projek pejalan kaki berbumbung di UPM Kampus Bintulu yang akan dibangunkan dalam masa terdekat.** Saya berharap apabila projek ini berjaya dilaksanakan, ia akan dapat memberi manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh warga UPM Kampus Bintulu.

**UPMKB perlu mengeluarkan graduan yang dapat memahami dan mengadaptasi kemahiran baharu dengan cepat, berbanding mengeluarkan tenaga mahir yang boleh disumbangkan oleh institusi teknikal dan vokasional.**







# PENDANAAN UNIVERSITI DAN PENGURUSAN RISIKO

---

Untuk tahun 2017, pembiayaan pendidikan tinggi di Malaysia terus dikekang dengan pengurangan bajet untuk semua universiti awam daripada RM7.57 bilion untuk tahun 2016 kepada RM6.12 bilion untuk tahun 2017, iaitu, pengurangan sebanyak RM1.45 bilion atau 19.2%. Dalam konteks UPM, peruntukan universiti juga telah menyaksikan pengurangan sebanyak 29.7% daripada tahun sebelumnya. Bajet yang lebih ketat untuk UPM pada tahun 2017 adalah selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk terus mengurangkan pembiayaan kerajaan kepada universiti awam daripada 90% kepada 70%. Kita terpaksa akur dengan realiti dan trend pengurangan pembiayaan kerajaan untuk mengurus operasi universiti yang akan berterusan pada tahun-tahun hadapan.



Usaha UPM ke arah inisiatif pengewangan aset (*asset monetization*) ialah melalui sepuluh entiti universiti yang dikenal pasti sebagai mempunyai peralatan atau prasarana milik universiti yang mampu menjana pendapatan secara stabil dan berterusan. Sepuluh entiti universiti tersebut adalah Makmal *Super Critical Fluid*, Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear, Unit Teknologi Fermentasi, Loji Pandu Bertaraf GMP, Institut Penyelidikan Produk Halal, *International Transit House*, *Disaster Recovery Center*, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC), Hospital Veterinar Universiti, dan UPM Kampus Bintulu.

Walaupun kita semakin dikekang oleh dana yang terhad, kebajikan dan kesejahteraan pelajar akan tetap diberi keutamaan. Kita akan berusaha untuk mempelbagaikan bentuk bantuan kepada pelajar melalui peningkatan endowmen menerusi Tabung Biasiswa Mahasiswa, Tabung Khas dan Dana Wakaf Ilmu. Sumbangan untuk biasiswa juga diterima daripada pihak industri. **Contohnya baru-baru ini Sime Darby telah memperuntukkan bilangan biasiswa kepada pelajar kurang berkemampuan.** Untuk tujuan kesejahteraan pelajar, UPM juga perlu memanfaatkan jaringan Alumni untuk menggalakkan sumbangan daripada pihak luar terutamanya daripada alumni UPM. Untuk tujuan ini, Pusat Alumni UPM perlu menggunakan pendekatan yang strategik dan proaktif dalam menggiatkan lagi aktiviti Alumni serta memantapkan jalinan hubungan antara universiti dengan Alumni dalam dan luar negara yang berkemampuan dan dermawan. Sistem pentadbiran dan pengurusan kewangan endowmen dan wakaf perlu diintegrasikan, diurus serta dipantau melalui sistem pentadbiran kewangan yang telus. Seajar dengan pengertian **Ihsan** yang menekankan soal amanah dan tanggungjawab, saya menuntut supaya dana endowmen, wakaf serta semua urusan berkaitan kewangan dan aset universiti, diurus dan ditadbir selia secara profesional dan penuh integriti.

Bagi merancakkan usaha ini, **UPM telah menubuhkan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) dengan harapan WAZAN dapat menguruskan tabung secara profesional. Melalui struktur baharu yang meletakkan pengurusan wakaf, zakat dan endowmen di bawah satu PTJ khusus, ia akan menjadi salah satu usaha jangka panjang UPM dalam merealisasikan kelestarian kewangan dengan lebih telus.** Alhamdulillah, sehingga **31 Disember 2016**, sejumlah **RM7,881,851.35** telah berjaya dikumpulkan ke dalam tabung Dana Wakaf Ilmu UPM hasil penjanaaan dan sumbangan ramai menerusi pelbagai saluran kemudahan yang disediakan. Sebahagian hasil kutipan telah dimanfaatkan untuk biasiswa, dermasiswa, fasiliti masjid dan lain-lain.

Seperti yang diperjelaskan di atas, di samping pendanaan awam kepada pembiayaan kewangan universiti semakin berkurang, bentuk dan cara peruntukan dana awam kepada universiti juga turut berubah. Perubahan ini akan memberi kesan ke atas autonomi yang diberikan oleh kerajaan kepada pihak pengurusan universiti dalam menentukan penggunaan dana kerajaan dan dana dalaman universiti. Keupayaan UPM dan universiti lain untuk bertindak secara efektif kepada situasi ekonomi semasa bergantung kepada tahap autonomi institusi dan kewangan. Tanpa autonomi yang bersesuaian, pengurusan universiti akan mempunyai keupayaan yang terbatas untuk mengharungi dengan jayanya cabaran kewangan yang melanda universiti awam. Autonomi adalah prasyarat yang penting kerana pihak pengurusan universiti perlukan lebih kepercayaan, kebebasan dan kelonggaran untuk mentadbir, mengurus dan mengagih dana secara strategik bagi mencapai misi dan visi UPM. Kebebasan pengurusan kewangan yang diiringi dengan peningkatan akauntabiliti memerlukan UPM untuk mengukuh kualiti tadbir urus supaya pengurusan sumber menjadi lebih cekap, berkesan dan mencapai objektik kelestarian kewangan.

**Sejajar dengan pengertian Ihsan yang menekankan soal amanah dan tanggungjawab, saya menuntut supaya dana endowmen, wakaf serta semua urusan berkaitan kewangan dan aset universiti, diurus dan ditadbir selia secara profesional dan penuh integriti.**

Bagi menyahut cabaran pendanaan dan kewangan universiti, setiap warga UPM bertanggungjawab membudayakan aktiviti penajaan dana dan penjimatan kos dalam kalangan semua peringkat staf universiti di sepanjang tahun 2017 dan seterusnya. Ke arah pelaksanaan konsep **Ihsan**, kita bertanggungjawab untuk berubah kepada budaya yang lebih berjimat cermat, berbelanja secara hemah, mengelak pembaziran, mengamalkan lean management, di samping mengoptimumkan penggunaan kemudahan dan sumber yang sedia ada. Dalam budaya yang baharu ini, kita dituntut untuk mengurus sumber UPM dengan penuh integriti, amanah, bertanggungjawab, akauntabiliti, dan menghakis sebarang perlakuan salah guna kuasa dan penyelewengan.

Dalam menghadapi persekitaran landskap pengajian tinggi yang kompleks, cabaran pelaksanaan dan kebarangkalian risiko wujud dalam menjayakan matlamat Universiti.

**Justeru, Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah melaksanakan Pengurusan Risiko sebagai keperluan bagi memastikan risiko dapat ditangani dan diurus dalam semua aspek urusan universiti.** Dalam hal ini,

**Dasar Pengurusan Risiko UPM** telah dibangunkan bagi mengesahkan komitmen UPM untuk mengurangkan potensi risiko dalam aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bagi membantu pencapaian matlamat UPM.

Penerbitan **Garis Panduan Pengurusan Risiko** menjadi rujukan kepada semua peneraju dan pusat tanggungjawab dalam menguruskan setiap aktiviti atau proses kerja bagi memastikan ancaman atau peluang risiko untuk berlaku dapat diurus dengan berkesan. **Daftar Risiko UPM**

juga dibangunkan sebagai satu sistem untuk menyimpan, menganalisis data serta maklumat berkaitan risiko bagi memudahkan penilaian, kajian semula, dan menyediakan laporan risiko berdasarkan keperluan.



UPM amat komited dalam memastikan keadah Pengurusan Risiko dilaksanakan secara proaktif dan berkesan dengan mengenal pasti **12 Skop Risiko** terutamanya dalam aktiviti Akademik, Penyelidikan dan Inovasi, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Jaringan Industri dan Masyarakat, Kecemerlangan Pertanian, Sumber manusia, Kewangan, Perpustakaan dan ICT, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Alam Sekitar, Pembangunan dan Kemudahan, dan Strategik Korporat dan Komunikasi. Setiap skop berasaskan aktiviti dan proses kerja diketuai oleh peneraju atau pemilik proses kerja yang bertanggungjawab mengenal pasti, menganalisis, menilai dan mengemukakan langkah mitigasi.







# PERANAN UPM HOLDINGS SDN. BHD

---

Seperti yang kita sedia maklum, anak syarikat UPM, iaitu UPM Holdings Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan. UPM Holdings perlu menjadi peneraju utama dalam menjana pendapatan universiti. Saya berharap agar UPM Holdings berusaha dengan lebih gigih untuk merencanakan usaha menjana pendapatan universiti dengan mencari lebih banyak peluang perniagaan dengan agensi kerajaan, swasta, antarabangsa dan juga pihak industri. Harapan saya dan warga UPM agar UPM Holdings akan terus memberi pulangan yang lebih lumayan kepada UPM untuk tahun ini dan tahun-tahun seterusnya.



Salah satu keperluan dalam pendanaan dan peruntukan kewangan universiti adalah untuk menyediakan persekitaran dan kemudahan yang kondusif bagi kebaikan pelajar dan staf. UPM amat komited dalam memastikan kemudahan yang disediakan kepada pelajar dan staf berada pada tahap terbaik dan sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa. Salah satu projek yang diberi tumpuan ialah menyediakan kemudahan penginapan pelajar yang selesa, berkualiti dan menyokong keperluan pembelajaran. Justeru, saya amat berterima kasih kepada anak syarikat UPM, iaitu UPM Holdings yang telah membantu universiti membiayai kos pembinaan OnePutra Residence@KMR. OnePutra Residence@KMR ini ialah satu projek naik taraf semua asrama Kolej Mohd Rashid (KMR) dan ia menjadi salah satu projek penting UPM Holdings untuk pelajar dan komuniti UPM.





Pada 2016, UPM Holdings telah berjaya menyiapkan Fasa 1, projek naik taraf KMR yang melibatkan tiga blok asrama, berkonsepkan apartmen dua bilik tidur (dilengkapkan ruang keluarga, dapur dan satu bilik air), dan studio unit. OnePutra Residence ini telah dilengkapi dengan kemudahan kafetaria, kedai serbaneka, surau, trek jogging, ruang rehat, kedai gambar dan gelanggang permainan. Fasa 1 telah berjaya menyediakan kemudahan penginapan kepada 380 pelajar yang melibatkan 24 jenis apartmen dan 115 studio unit. UPM Holdings akan terus membantu UPM melalui Fasa 2 dengan menaik taraf dua lagi blok asrama pelajar, dan membina Menara Jam, serta seterusnya membangunkan hotel dan apartmen dalam kampus UPM. Menyentuh tentang Projek Menara Jam, UPM Holdings telah mengemukakan rancangan pembinaan Menara Jam tersebut kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) untuk kelulusan selanjutnya. Insyaa-Allah pembentangan projek kepada pihak MPSJ akan diadakan dalam waktu terdekat mengikut tarikh yang ditetapkan oleh pihak MPSJ, dan seterusnya UPM Holdings akan melaksanakan pembinaannya sebagai mercu tanda baharu UPM. Saya yakin dan percaya bahawa kemudahan yang telah dan akan dibangunkan oleh UPM Holdings ini akan merencanakan aktiviti pembangunan fizikal kampus dan sekali gus meningkatkan citra UPM dalam ekosistem perkhidmatan pendidikan tinggi. UPM Holdings juga akan membangunkan UPM Park di tepi lebuh raya KL-Seremban, kemudahan R&R, fasiliti pendidikan, dewan konvensyen, dan stesen minyak. Diharap dengan adanya kemudahan-kemudahan ini nanti, UPM Holdings akan terus berjaya dalam perniagaan dan menjadi peneraju utama dalam menjana pendapatan universiti.



**Saya yakin dan percaya bahawa kemudahan yang telah dan akan dibangunkan oleh UPM Holdings ini akan merencanakan lagi aktiviti pembangunan fizikal kampus dan sekali gus meningkatkan citra UPM dalam ekosistem perkhidmatan pendidikan tinggi.**



# TRADISI MENYUMBANG, BUDAYA IKATAN

Pusat Alumni (ACUPM) telah berpindah ke pejabat baharu di Bangunan Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi). Dengan landskap baharu ini, ACUPM akan sentiasa dan terus bekerja keras agar dapat mengubah persepsi alumni supaya sentiasa positif terhadap universiti bersesuaian dengan tagline ACUPM “Tradisi Menyumbang, Budaya Ikatan”. ACUPM akan terus membantu universiti dalam mendapatkan sokongan alumni, badan korporat demi kelangsungan pembangunan universiti dan program pendidikan. Mempergiat usaha bagi mendapatkan endowmen daripada barisan alumni UPM melalui inisiatif baharu Pusat Alumni iaitu: **Alumni Endowment Sponsorship RM30 ribu** bertujuan mendapatkan dana daripada alumni dalam bentuk biasiswa pengajian melalui kaedah sumbangan yang telah dikenalpasti. **Alumni Legacy Endowment RM1 juta** pula menyediakan bantuan insaniah pelajar miskin dan kurang bernasib baik, serta bantuan permulaan pendidikan, dan memberi hadiah/anugerah kecemerlangan akademik kepada pelajar.

**Dalam memastikan jalinan hubungan antara alumni dengan alma mater sentiasa kukuh dan berterusan, universiti telah melaksanakan program pengukuhan, iaitu program *Tracing Alumni of Collaboration and Engagement (TRACE)* yang dilaksanakan sebanyak empat program di dalam negara dan empat program di luar negara.**

Saya difahamkan, Pusat Alumni akan terus merancang **Kempen Menyumbang MY1Alumni 2Ribu** dan **MY1Alumni 1Ringgit** melalui penempatan Tabung Endowmen di setiap PTJ. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan jalinan hubungan antara alumni dengan alma mater sentiasa kukuh dan berterusan, universiti telah melaksanakan program pengukuhan, iaitu program *Tracing Alumni of Collaboration and Engagement (TRACE)* yang dilaksanakan sebanyak empat program di dalam negara dan empat program di luar negara. Program ini juga bertujuan meningkatkan dana Tabung Amanah Endowmen UPM dan pelancaran Chapter Alumni. Program TRACE ini juga merupakan antara inisiatif ACUPM untuk mengesan para alumni UPM dan memastikan mereka terus kekal berhubung dengan universiti.



Melaluinya juga, universiti dapat bekerjasama dengan alumni yang berpotensi dalam jalinan kerjasama industri dan korporat bagi tujuan penajaan biasiswa. **Hasilnya juga menunjukkan pada 2016, universiti berjaya menjana pendapatan sebanyak RM1,273,284.00 melalui penganjuran dan pelaksanaan aktiviti bersama alumni.** Dalam pada itu, universiti melalui Yayasan Pak Rashid (YPR) yang digerakkan sepenuhnya melalui sumbangan alumni turut membantu menyediakan biasiswa kepada mahasiswa. Alhamdulillah.





# INTEGRITI DAN KEBAJIKAN STAF

UPM telah mendapat banyak manfaat dan kelebihan daripada penggunaan media sosial. Ini termasuk melancarkan lagi komunikasi dan mempromosi UPM secara radikal yang menyumbang kepada penjenamaan universiti. Sehubungan dengan itu, saya amat menggalakkan agar warga UPM dapat menggunakan media sosial untuk tujuan positif dan kebaikan organisasi. Namun **mutakhir ini, integriti sesebuah organisasi dan penjawat awam berdepan dengan cabaran getir akibat perubahan sosial dan budaya dalam dunia digital khususnya melalui penggunaan media sosial. Terdapat segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab telah menggunakan media sosial untuk memburukkan organisasi dan memperlekeh rakan sekerja demi kepentingan peribadi. Lebih parah lagi, pembocoran maklumat sulit kerajaan boleh menjadi tular menerusi media sosial oleh pengguna yang tidak berintegriti.**

**UPM adalah universiti perintis sebagai universiti yang mempunyai instrumen integriti atau alat pengukuran integriti yang diberi nama MyIntegriti (copyright 2012).**



Tidak dinafikan, nilai integriti dan minda berteraskan keselamatan yang menyumbang kepada kecemerlangan organisasi amat berkait dengan kesejahteraan kalangan warganya. Sebagai sebuah universiti penyelidikan yang amat komited dalam pembudayaan integriti dengan berteraskan konsep **IHSAN, satu kajian Budaya Kerja, Keselamatan dan Kesejahteraan Kalangan Staf** telah disediakan untuk mendapatkan data berkaitan dengan tahap integriti dan sebagai satu mekanisme menyebarkan kefahaman mengenai integriti dalam kalangan staf. Kajian kali pertama telah dilaksanakan pada tahun 2006 dan UPM adalah universiti perintis sebagai universiti yang mempunyai instrumen integriti atau alat pengukuran integriti yang diberi nama MyIntegriti (copyright 2012). Objektif kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap amalan integriti staf UPM mengikut kategori jawatan; mengenal pasti persepsi staf UPM terhadap integriti organisasi di UPM; mengenal pasti tahap kesejahteraan organisasi dan minda berteraskan keselamatan dalam kalangan staf UPM; dan mengemukakan syor kepada Seksyen Latihan Pejabat Pendaftar UPM untuk cadangan penambahbaikan program integriti dalam kalangan staf UPM.

Hasil kajian mendapati secara umumnya, staf UPM mempunyai tahap nilai integriti yang baik, iaitu skor 70. Saya percaya angka ini boleh dipertingkatkan. Terdapat beberapa pendekatan yang dikenal pasti boleh meningkatkan integriti staf UPM, **antaranya menjadikan integriti sebagai agenda khas setiap kali mesyuarat di peringkat pengurusan/jabatan, dan meningkatkan semangat kekitaan dan keakraban hubungan melalui aktiviti tidak formal merentasi pengurusan peringkat tertinggi, pengurusan dan profesional, dan sokongan. Pada masa yang sama, Program intensif bersama Seksyen Latihan Pejabat Pendaftar mengikut kategori dan gred Pegawai Kanan perlu digerakkan bagi meningkatkan penyeliaan dan pemantauan dengan prinsip kepimpinan melalui teladan.**



Sebagai komuniti dalam persekitaran intelektual yang mengangkat martabat ilmu, marilah kita berpesan-pesan tentang peri pentingnya warga UPM memiliki kecerdikan yang terpuji, kearifan yang handal sehingga bermanfaat untuk menyelesaikan sebarang permasalahan. Kecerdikan warga UPM, antara lain tercermin daripada:

**Cerdiknya mengurung dengan lidah**  
**Cerdik mengikat dengan adat**  
**Cerdik menyimak dengan syarak**

**Cerdik berunding sama sebanding**  
**Cerdik muafakat sama setingkat**


**Cerdik mengalah tidak kalah**  
**Cerdik berlapang dalam sempit**

**Cerdik berlayar di perahu bocor**  
**Cerdik duduk tidak suntuk**  
**Cerdik tegak tidak tersundak**

(Tenas Effendy, 2000)

Ungkapan ini juga membawa makna akan kepentingan staf dalam bersama-sama membawa universiti ke tahap kecemerlangan yang unggul. Justeru, kebajikan staf sentiasa menjadi agenda utama universiti kerana merekalah yang menjadi tulang belakang kepada penubuhan dan pencapaian UPM selama ini. **Sehubungan itu, UPM Holdings membawa berita baik bagi 2017 untuk kebajikan staf. Satu cadangan Pelan Kasih UPM Holdings sedang dibangunkan bagi memberi perlindungan tambahan kepada staf UPM. Pelan ini memberi manfaat kepada staf, natijah kematian akibat kemalangan, hilang upaya yang kekal, rawatan perubatan, elaun tunai wad hospital dan *khairat* kematian akibat kemalangan.** Walau bagaimanapun, cadangan Pelan Kasih ini masih diperhalusi lagi, dan perlu melalui beberapa proses sebelum ia bersedia untuk dilancarkan. Insya Allah, sama-sama kita doakan agar niat murni ini dapat kita realisasikan secepat mungkin demi kebaikan bersama.







# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SEBAGAI JENAMA GLOBAL

Pada hari ini, saya akan melancarkan Manual Identiti Korporat Edisi Kedua yang telah dikemas kini dan digarap dengan maklumat serta contoh-contoh yang bersesuaian. Manual ini akan melihat semua aspek penjenamaan dari sekecil-kecil perkara kepada perkara yang lebih besar. Saya mengharapkan agar manual ini dijadikan panduan dan rujukan sepenuhnya oleh semua entiti dalam memperkasakan usaha penjenamaan UPM sebagai universiti berjenama global.

Penjenamaan merupakan satu usaha yang konsisten dan berterusan dan melibatkan semua pihak bagi memastikan reputasi UPM terus dirasai dan dihayati, dan sekaligus meningkatkan keupayaan universiti untuk mendapatkan dan menghasilkan kakitangan, pelajar dan produk-produk yang berkualiti tinggi. Penjenamaan universiti akan mengambil beberapa pendekatan iaitu, penjenamaan melalui komunikasi dalaman dan luaran sama ada media massa atau media sosial; termasuklah penulisan kepakaran, penulisan tips-tips di media sosial perlu mempromosikan dan menjenamakan universiti. Latihan secara berterusan termasuk aspek dalam rekaan, penerbitan dan percetakan, hubungan baik dengan rakan

industri melalui ingatan (*Greeting Wishes*), pengukuhan penggunaan Putra Bakti dalam sebarang aktiviti kesukarelawan, penjenamaan semula imej korporat melalui keseragaman pakaian atau baju korporat.

Saya percaya, penjenamaan yang konsisten memberikan peluang kepada universiti untuk menarik komuniti luar dengan menunjukkan satu citra yang jelas siapa kita, apa yang kita lakukan, dan apa yang penting dalam membantu menarik minat mahasiswa, fakulti, kakitangan, penderma, penaja dan rakan industri dalam berkongsi visi, misi dan matlamat yang menguatkan universiti.





# PENUTUP

---

Tahun 2017 dijangka terus memberi cabaran yang getir kepada sektor pendidikan tinggi khususnya di peringkat universiti. Warga UPM perlu berjiwa besar dan sentiasa bermotivasi untuk mengekalkan kecemerlangan. Saya percaya, dengan semangat bekerjasama dan ikatan satu warga, kita mampu mengharungi cabaran ini dengan lebih mudah. Justeru, atas semangat keserakanan dan kesepunyaan, saya berharap kita akan dapat terus memperkukuh semangat solidariti dan kekitaan untuk terus bersama-sama melestarikan kecemerlangan UPM. Dalam hal ini juga, saya meminta kepada semua PTJ agar dapat menyediakan Pelan Tindakan atau *Action Plan* dalam tempoh dua minggu dari sekarang, bagi merealisasikan kesemua inisiatif yang telah saya sebutkan dalam perutusan kali ini.

## Menjadikan *Ihsan* sebagai sumber kekuatan kita dalam usaha yang berterusan untuk mentransformasi diri ke arah kecemerlangan

Ini termasuk pengukuhan kelestarian hijau dan pengwujudan UPM Taman Botani, pemerkasaan berterusan bidang pertanian, penyelidikan dan keperluan strategik negara, pemerkasaan bakat dan kepemimpinan akademik, memupuk kecemerlangan dan keinsanan pelajar, pengalaman pembelajaran sebagai persediaan kehidupan, penggunaan teknologi dalam pembelajaran, memperkasa kecemerlangan Kampus Bintulu, meneroka strategi baharu pendanaan universiti dan pengurusan risiko, memperkasa integriti dan kebajikan staf UPM dan Universiti Putra Malaysia sebagai jenama global. Saya percaya, hanya melalui semangat keserakanan dan kesepunyaan, kita mampu merealisasikan semua hasrat yang kita tentukan ini secara bersama. Ingatlah, perutusan ini bukanlah milik saya, tetapi milik kita semua sebagai warga UPM.

Saya telah memperkenalkan konsep **Ihsan** sebagai tonggak kecemerlangan UPM dalam Perutusan 100 hari saya. Pada hari ini, iaitu dalam perutusan tahun baharu 2017 ini, saya amat berharap agar kita dapat **menjadikan Ihsan sebagai sumber kekuatan kita dalam usaha yang berterusan untuk mentransformasi diri ke arah kecemerlangan, yang dengan itu akan turut melonjakkan UPM sebagai sebuah institusi yang cemerlang**. Allahyarham Pendita Za'ba, dalam salah satu judul bukunya, telah membicarakan perihal betapa **"perangai itu bergantung kepada diri sendiri"**. Menurut Za'ba, "sifat kebergantungan pada diri sendiri perlu ada dalam masyarakat kerana ia akan membawa kepada kemajuan sesuatu bangsa", justeru, "kemajuan atau kemunduran sesuatu bangsa bergantung kepada rakyat itu sendiri". Saya kira, pandangan Za'ba ini masih sangat relevan dalam konteks dewasa ini apabila kita diseru untuk menyahut cabaran transformasi nasional.

Pendapat Za'ba ini boleh dikatakan turut merujuk kepada pengertian tentang **Ihsan**. **Dengan menghayati Ihsan sebagai pemangkin transformasi diri, kita akan dapat menjadi pekerja yang berkualiti, berkemahiran, efisien, ikhlas, berintegriti, dan sentiasa menekankan ketelitian dan kesempurnaan kerja**. Pemahaman

yang mendalam tentang **ihсан** dan penghayatan yang ikhlas bukan sahaja akan membentuk profesionalisme dan budaya kerja cemerlang, malah ianya akan membantu kita menghadapi segala cabaran yang menanti. Kita jangan sesekali menganggap cabaran yang kita hadapi sebagai kekangan kepada kecemerlangan *par excellence* kita, tetapi sebaliknya, sebagai satu dorongan terhadap peningkatan sifat daya tahan (resilience) kita, yang akan memelihara dan mempertahankan kecemerlangan kita sebagai sebuah universiti penyelidikan.

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan penghayatan **ihсан** untuk memimpin kita dalam segala apa yang kita usahakan. Saya percaya, ini akan mengajar kita untuk mengikhlasakan kecintaan kepada universiti ini. Bak kata ungkapan ini;

***Ikhlas menolong tak harap sanjung  
Ikhlas berbudi tak harap puji  
Ikhlas berkorban tak harap imbuhan  
Ikhlas memberi tak harap ganti  
Ikhlas mengajar tak harap ganjar  
Ikhlas memimpin tak harap sembah***

(Tenas Effendy, 2000)

Dengan keikhlasan yang terzahir dalam setiap pekerjaan kita, mudah-mudahan akan tercapailah hasrat kita untuk merealisasikan UPM sebagai "Taman Ilmu dan Pemikiran", yang seterusnya akan menjaga maruah UPM, dan memartabatkannya sebagai sebuah universiti penyelidikan yang unggul, dan yang berpengaruh dalam membawa kesejahteraan kepada masyarakat.





Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga UPM atas pencapaian sepanjang tahun 2016. Sebagai Naib Canselor, saya amat berbangga dengan pencapaian ini yang saya percaya tercipta atas daya usaha dan komitmen tinggi warga UPM. Inilah terjemahan konsep **Ihsan** yang sama-sama kita pegang selama ini yang menjadi tonggak kecemerlangan. **Namun pada masa yang sama, kejayaan UPM tidak boleh dilihat dan diukur melalui penganugerahan dan pengiktirafan semata-mata. Sebaliknya, kejayaan UPM sentiasa didukung oleh semua pihak melalui peranan dan tanggungjawab tersendiri. Terima kasih kepada seluruh warga UPM yang sentiasa menjaga kebersihan kampus, menyantuni kawasan kelestarian hijau, dan menjadikan UPM sebagai Taman Botani, tempat kita menanam cita-cita dan menuai hasil demi agama, bangsa dan negara.**

Akhir kata, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua pihak yang menjayakan dan hadir ke majlis Perutusan Naib Canselor 2017 pada kali ini. Saya berharap semua inisiatif yang dikongsi ini dapat direalisasikan oleh kita semua atas nilai **Ihsan** demi kelangsungan kecemerlangan UPM yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih.



**Sekalung  
penghargaan  
kepada yang  
terlibat secara  
langsung dan tidak  
langsung dalam  
menjayakan  
Majlis Perutusan  
Naib Canselor  
2017.**



## PENGERTIAN “IHSAN”

Dalam tradisi keilmuan Islam, pengertian “ihsan” merangkumi setiap amal perbuatan atau pekerjaan yang baik, yang dilaksanakan dengan betul, mahir dan cekap, dengan tujuan untuk mencapai kesempurnaan serta kecemerlangan.<sup>1</sup> “Dictionary meanings for ihsan include “right action”, “goodness”, “charity”, “sincerity”, and the like. The root also means “to master or be proficient at”...”.<sup>2</sup> Pengertian ini terkandung dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Muslim yang antara lain bermaksud:

*Daripada Abu Ya’la Shaddad ibn Aus radiyallahu ‘anh daripada Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam katanya: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ihsan atas tiap-tiap sesuatu....apabila menyembelih, maka elokkan penyembelihan. Dan hendaklah salah seorang kamu menajamkan mata pisaunya, dan hendaklah ia melapangkan [mententeramkan] binatang sembelihan. Diriwayatkan oleh Muslim.*<sup>3</sup>

Sesungguhnya, pengertian “ihsan” sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih di atas dapat dimanfaatkan dalam urusan pekerjaan manusia. Ini merujuk kepada aspek kesempurnaan, kualiti atau keelokan yang amat dititikberatkan oleh Islam dalam setiap pekerjaan manusia, sebagaimana yang terkandung dalam penjelasan Imam Nawawi r.h. terhadap maksud “ihsan” dalam hadis di atas.

Hadis sahih di atas menjelaskan pentingnya penyembelihan haiwan dilaksanakan dengan “ihsan” iaitu sempurna, teliti, baik dan penuh prihatin demi mententeramkan serta tidak menyiksa haiwan yang disembelih.<sup>4</sup> Justeru, aspek yang begitu ditekankan dalam pengertian “ihsan” ialah kemahiran serta kecekapan yang tinggi termasuklah dalam menentukan perkakasan serta peralatan kerja (tools) yang tepat dan canggih, misalnya menggunakan pisau yang tajam dan tidak tumpul dalam penyembelihan supaya tidak menyiksa haiwan.<sup>5</sup>

Perkara penting yang menunjangi setiap pekerjaan berasaskan “ihsan” ialah mendatangkan kebaikan serta kesejahteraan bukan sahaja kepada diri sendiri dan manusia lain, tetapi juga terhadap haiwan, tumbuh-tumbuhan serta alam persekitaran. Adalah jelas bahawa pengertian “ihsan” yang sedemikian begitu harmoni serta sehati dengan fitrah manusia yang berperadaban, dan ia adalah universal sifatnya. “Ihsan” merupakan konsep yang bukan sahaja yang begitu menitikberatkan kebaikan dan kecemerlangan, tetapi menekankan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Dalam konteks pentadbiran dan kepimpinan universiti, konsep “ihsan” mengajar kita supaya berusaha mencapai kesempurnaan dengan menitikberatkan kualiti melalui ilmu dan kemahiran yang tinggi, dan sekali gus menolak mediokriti (mediocrity).

Sejajar dengan Rukun Negara Malaysia yang berpaksikan kepada prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan, penerapan konsep "ihsan" dalam pentadbiran dan kepimpinan dapat meninggikan lagi martabat pekerjaan yang kita laksanakan, apabila ia tidak lagi sekadar tugas duniawi semata-mata, tetapi juga menjadi satu tanggungjawab atau amal soleh (ibadah) manusia kepada Pencipta. Melalui konsep "ihsan", matlamat pekerjaan kita tidak sekadar untuk meraih habuan material sahaja, tetapi yang lebih utama ialah memperoleh keampunan serta keredaan Pencipta, dan memberikan kebaikan serta kejayaan dalam kehidupan di dunia dan di alam yang abadi. Dengan kata lain, melalui konsep "ihsan", pekerjaan kita di dunia tidak terpisah daripada tanggungjawab kita kepada Tuhan (divine responsibility).

Sesungguhnya, pemahaman ini turut mendasari pengertian "ihsan" sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah lagi hadis sahih, yang antara lain bermaksud:

*Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a.: Pada suatu hari ketika Nabi Muhammad s.a.w. bersama para sahabatnya, datang seseorang yang bertanya, "Apakah iman itu?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Iman adalah percaya kepada Allah, para malaikat-Nya, pertemuan dengan-Nya, para rasul-Nya, dan hari kiamat. Laki-laki itu bertanya lagi, "Apakah Islam itu?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Menyembah Allah yang Esa, mendirikan solat, membayar zakat, dan mengerjakan puasa selama bulan Ramadan. Laki-laki itu bertanya lebih jauh, "Apakah yang dimaksudkan ihsan?". Rasulullah*

*s.a.w. menjawab, "Beribadah [merujuk kepada setiap amal perbuatan yang baik] kepada Allah 'Azza wa Jalla seakan-akan engkau melihat-Nya dan seandainya engkau tidak bisa mencapai keadaan itu, engkau harus yakin bahawa Dia melihatmu"... .<sup>6</sup>*

Petikan hadis Rasulullah s.a.w. ini menjelaskan lagi pengertian "ihsan" yang merujuk kepada tahap keyakinan manusia yang merasakan bahawa dirinya sentiasa diawasi oleh Penciptanya. Dengan keyakinan ini, manusia senantiasa berusaha untuk melaksanakan setiap pekerjaannya dengan sebaik-baik pelaksanaan, dengan niat hanya untuk memperoleh keredaan Penciptanya. Niat yang sedemikian akan melahirkan sifat ikhlas dalam hati sanubari manusia, yang lantas dizahirkan melalui hasil pekerjaan yang berkualiti serta sempurna. Dengan kata lain, niat yang ikhlas dapat diukur pada kualiti sesuatu pekerjaan. Tanpa niat yang ikhlas, sesuatu pekerjaan itu tidak akan mendatangkan hasil yang berkualiti, cemerlang, sempurna, dan jauh sekali memberikan kebaikan dan kesejahteraan kepada kehidupan manusia termasuk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan persekitarannya. Tanpa niat yang ikhlas juga, pekerjaan yang dilakukan akan hanya memberikan hasil yang "biasa", sederhana atau *mediocre* sifatnya.

Penting untuk difahami bahawa konsep “ihsan” tidak memisahkan manusia (yang pada hakikatnya terikat) dengan Penciptanya, atau diungkapkan sebagai taklif atau *divine accountability and responsibility*.<sup>7</sup> Dalam tradisi keilmuan Islam, soal keterikatan hubungan antara manusia dengan Penciptanya atau taklif ini sudah sedia dijelaskan dalam al-Quran Surah al-Araf, Ayat 172 yang antara lain bermaksud:

*Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): “Bukankah Aku ini Tuhanmu?” Mereka menjawab: “Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi”. (Kami lakukan yang sedemikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan).*

Ayat al-Quran tersebut menjelaskan asal usul penciptaan manusia yang bermula dengan termeterainya “perjanjian azali” (primordial covenant) antara setiap roh manusia dengan Penciptanya. “Perjanjian azali” (primordial covenant) ini menyatakan kesanggupan manusia untuk melaksanakan janjinya, iaitu mengabdikan (‘abd) diri kepada Penciptanya dengan melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kejahatan. Terangkum dalam “perjanjian azali” ini juga ialah kesanggupan manusia untuk memikul amanah sebagai “khalifah” (vicegerent) di muka bumi, dengan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan akal (judicious power) mereka untuk mentadbir alam semesta dengan sebaik-baik pentadbiran.<sup>8</sup> Dalam konteks ini, konsep ihsan menjadi satu terjemahan terhadap hakikat keterikatan perhubungan manusia dengan Penciptanya (taklif), sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis tadi. Keterikatan hubungan antara manusia dengan Pencipta inilah yang akan melahirkan sifat serta budaya kerja yang sangat menitikberatkan aspek kualiti, kesempurnaan dan kecemerlangan.

### Nota Hujung

- 1 Imam Al-Nawawi. (1976) *An-Nawawi's Forty*. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House. hlm. 30. Istilah "ihsan" ini berasal daripada kata akar ha sim nun yang disebut sebagai "hasuna". Daripada kata akar ini, lahir satu kata kerja yang disebut sebagai "ahsana" yang mempunyai kaitan secara langsung dengan istilah "ihsan" yang membawa maksud "good, comely or pleasing". Edward William Lane, *An Arabic-English Lexicon Part 2*, Libraire Du Liban, Beirut, 1968, hlm. 570.
- 2 Imam Al-Nawawi. (1976) *An-Nawawi's Forty*. Terj. oleh Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: 1976, The Holy Koran Publishing House. 30.
- 3 Mustafa 'Abdul Rahman. (1992) *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. hlm. 220.
- 4 Seajar dengan kepentingan "ihsan", syariat Islam, antaranya menggariskan adab-adab dalam penyembelihan haiwan antaranya tidak melayani haiwan yang disembelih dengan kasar, menajamkan pisau supaya tidak menyeksa haiwan, tidak menajamkan pisau di hadapan haiwan kerana dikhuatiri boleh menakutkannya, tidak menyembelih di hadapan haiwan lain, dilarang menyembelih haiwan yang bunting atau sedang menyusui, serta tidak terus melapah daging sehingga haiwan itu benar-benar mati. Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Al-Ustaz Mustafa 'Abdul Rahman, *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 221-225.
- 5 Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. *The Arba'een: 40 Ahadith of Imam Nawawi*. Terj. oleh Zaheer Ali, Darul-Ishaat, Pakistan. hlm. 67.
- 6 Imam Az-Zabidi. (2014). *Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia)*. Terj. oleh Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd. hlm. 25.
- 7 Hermansen, M.K., *The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha*, E.J. Brill, Leiden, 1996, hlm. 9, 197, 199, 238. Shah Waliullah Dehlawi r.h. (1702-1762) merupakan seorang sarjana Islam abad ke 18 Masihi yang terkenal. Kitab karangan beliau yang penting berjudul *Hujjat Allah al-Baligha* yang telah diterjemahkan ke pelbagai bahasa termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Versi bahasa Malaysia diterjemahkan dan diberikan anotasi oleh Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah dengan judul *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I) dan Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I)*. Kedua-dua jilid ini diterbitkan oleh International Islamic University Malaysia (IIUM) Press, Gombak, 2015.
- 8 Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM). hlm. 52-73 & 132-136.

## RUJUKAN UNTUK PENGERTIAN IHSAN

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Imam Al-Nawawi. (1976). *An-Nawawi's Forty*. Terj. Ezzeddin Ibrahim & Denys Johnson-Davies. Damascus: The Holy Koran Publishing House.

Imam Az-Zabidi. (2014). *Ringkasan Shahih Al-Bukhari (Arab-Indonesia)*. Terj. Drs. Cecep Syamsul Hari & Tholib Anis. Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.

Lane, Edward William. (1968). *An Arabic-English Lexicon Part 2*. Beirut: Libraire Du Liban.

Maulana Aashiq Elahi Buland Shehri. (2007). *The Arba'een: 40 Hadith of Imam Nawawi*. Terj. Zaheer Ali. Pakistan: Darul-Ishaat.

Mustafa 'Abdul Rahman. (1992). *Hadis 40: Terjemahan dan Syarahnya*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (1996). *The Conclusive Argument from God: Shah Wali Allah of Delhi's Hujjat Allah al-Baligha*. Terj. Hermansen, M.K. Leiden: E.J. Brill.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk I)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

Shah Wali Allah al-Dihlawi. (2015). *Hujjat Allah Al-Balighah: Terjemahan dan Anotasi (Juzuk II)*. Terj. Zainuddin Hj. Idris & Nik Hassan Nik Abdullah. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.









Sumber: New Straits Times, 24 April 2016



Sumber: Utusan Malaysia, Julai 2016



*perutusan*  
**NAIB  
CANSELOR  
2017**

---

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan

---



Reka Bentuk dan Urus Cetak : Penerbit UPM  
[www.penerbit.upm.edu.my](http://www.penerbit.upm.edu.my)